

PM tegaskan tidak campur tangan

Peguam Negara ada kuasa penuh, keputusan tak jejas kredibiliti kerajaan

Jakarta: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan beliau tidak campur tangan berhubung keputusan mahkamah untuk melepas tanpa membebaskan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, daripada semua 47 pertuduhan dihadapinya.

Perdana Menteri berkata, Peguam Negara mempunyai kuasa sepenuhnya dalam mengendalikan kes terbabit.

"Jaksa agung (Peguam Negara) ada wewenang (kuasa) sepenuhnya dan diberikan alasan-alasan. Saya berikan wewenang kepada jaksa agung, kerana dia bicara tentang 200 halaman permohonan baharu oleh Datuk Seri (Ahmad) Zahid.

"...ini keputusan jaksa agung jadi saya tidak campur," katanya apabila ditanya media tempatan mengenai isu berkenaan selepas Program Temu Anwar di sini malam kelmarin.

Ditanya sama ada keputusan itu akan memberi persepsi tidak baik terhadap kerajaan, Anwar berkata ia tidak menjejaskan

kredibiliti kerajaan dan beliau tetap dengan pendiriannya yang keras membanteras rasuah.

Semalam, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memutuskan untuk melepas tanpa membebaskan Ahmad Zahid daripada semua 47 pertuduhan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram yang berkaitan dengan dana Yayasan Akalbudi.

Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah membuat keputusan itu, selepas mendengar 11 alasan dikemukakan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Mohd Dusuki Mokhtar, untuk menghentikan prosiding kes berkenaan.

Sementara itu, Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO,

Datuk Nur Jazlan Mohamed menasihatkan Setiausaha Agung DAP, Anthony Loke supaya tidak gundah-gulana kononnya Ahmad Zahid akan menjadi liabiliti kepada Kerajaan Perpaduan pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Pulau.

"Saya pun sudah terima hakikat bahawa imej Ahmad Zahid sudah lama dirosakkan oleh naratif penuh persepsi pihak pembangkang, termasuk Pakatan Harapan (PH) sejak UMNO dan Barisan Nasional (BN) kalah pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

"Lagipun saya percaya rakyat Pulau sudah buat keputusan mereka sebelum kes Zahid ini muncul Isnin lalu," katanya melalui muat naik di Facebook.

Terdahulu, Loke meminta Peguam Negara memberikan penjelasan terbuka susulan keputusan dibuat Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dalam kes Ahmad Zahid itu.

Dalam pada itu, Nur Jazlan menasihatkan rakan parti gabungan Kerajaan Perpaduan menjaga sensitiviti sesama mereka bagi memastikan kerjasama politik berkenaan dapat bertahan dan utuh sehingga Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16) nanti.

Beliau juga meminta pemimpin parti gabungan Kerajaan Perpaduan tidak sewenang-wenang membuat kenyataan terbuka yang menyebabkan kesan bukannya sahaja terhadap hubungan antara parti gabungan, malah kepada akar umbi.